

**Najib Ucap Tahniah Kepada Saintis Malaysia Menang Anugerah
Bernama
August 27, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada dua saintis Malaysia atas kejayaan mereka menggondol dua kategori anugerah Sains dan Teknologi Asean di Indonesia, semalam.

Prof Madya Ir Dr Sharifah Rafidah Wan Alwi dari Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memenangi anugerah Saintis dan Ahli Teknologi Muda Asean (AYSTA), manakala Profesor Dr Harith Ahmad dari Jabatan Fizik, Universiti Malaya (UM) pula berjaya memenangi anugerah Saintis dan Ahli Teknologi Cemerlang Asean (AOSTA).

"Syabas kepada Profesor Madya Ir Dr Sharifah Rafidah dan Profesor Dr Harith Ahmad yang memenangi anugerah Sains dan Teknologi Asean," kata Najib dalam catatannya di laman Twitter.

Najib turut memuat naik pautan berita dihasilkan Bernama mengenai majlis itu.

Masing-masing saintis itu menerima US\$10,000 (RM31,461) dan US\$15,000 (RM47,191) pada satu majlis penyampaian anugerah malam semalam bersempena mesyuarat tidak rasmi peringkat Menteri Asean ke-8 mengenai Sains dan Teknologi.

Anugerah berprestij itu diadakan setiap tiga tahun sekali bersempena Minggu Sains dan Teknologi Asean yang sudah memasuki edisi ke-9.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1063971>